



MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN AKHBAR MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA Bagi Minggu Epid 44/2009 (1 hingga 7 November 2009)

Pada minggu lepas terdapat penurunan kes Denggi iaitu sebanyak 55 kes atau 8%, jumlah kes dilaporkan adalah sebanyak 618 dengan 1 kematian berbanding 673 kes dengan 1 kematian bagi minggu sebelumnya. Terdapat 2 negeri telah menunjukkan peningkatan kes denggi pada minggu lepas iaitu Sarawak 18% dan Terengganu 15%.

Jumlah terkumpul kes denggi pada tahun 2009 adalah berjumlah 34,975 kes dengan 75 kematian, penurunan sebanyak 10% berbanding 38,995 kes dengan 84 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2008 (Lampiran A).

Satu kes kematian Denggi yang dilaporkan pada minggu lepas adalah dari Mambau, Negeri Sembilan, melibatkan seorang suri rumah berusia 62 tahun yang meninggal dunia pada 3 November 2009 di Hospital Tuanku Jaafar, Seremban kerana komplikasi jangkitan Demam Denggi (*Dengue Shock Syndrome*). Aktiviti kawalan dan pencegahan telah dijalankan di kawasan tersebut termasuk aktiviti gotong-royong.

Sehingga kini, terdapat 17 lokaliti "hot spot" sedang dipantau di seluruh negara dengan tambahan 7 lokaliti "hot spot" baru manakala 6 lokaliti telah bebas "hot spot" minggu lepas (Lampiran C, D dan E).

Daripada 618 kes denggi yang dilaporkan pada minggu lepas, 15 kes berlaku di lokaliti "hotspot". Adalah dukacita, masih terdapat 10 (59%) daripada 17 lokaliti "hotspot" masih mempunyai kadar pembiakan *Aedes* yang melebihi kadar sensitif (Lampiran F). Ini adalah disebabkan tiada aktiviti gotong-royong dijalankan di lokaliti "hotspot" tersebut kerana sukar mendapat kerjasama daripada penduduk dan menyukarkan usaha untuk mencegah penularan jangkitan demam denggi.

Pada tahun ini sehingga 31 Oktober 2009, sejumlah 3,187,527 premis telah diperiksa dan 49,332 premis mempunyai pembiakan *Aedes* yang mana kadar pembiakan *Aedes* (AI 1.5%) melebihi kadar sensitif. Lebih membimbangkan, lokaliti wabak mempunyai kadar pembiakan yang paling tinggi (AI 4.3%) iaitu 150% lebih daripada nilai keseluruhan kadar pembiakan. Peningkatan curah hujan pada hujung tahun dan kurang kerjasama penduduk untuk memusnahkan tempat pembiakan *Aedes* telah menyumbang kadar pembiakan yang masih tinggi. Situasi ini adalah tidak baik kerana ia menyebabkan risiko untuk penularan jangkitan Demam Denggi berlaku. Walaupun demikian, secara umumnya kadar pembiakan telah menurun sebanyak 1.4% berbanding dengan minggu sebelumnya. Kebanyakan tempat pembiakan ini dijumpai di luar rumah iaitu pasu bunga, tayar, bekas makanan, saluran air hujan, piring astro, tong sampah, tin cat dan alas pasu bunga. Manakala di dalam rumah ialah kolah air, baldi dan alas pasu bunga.

Melalui penguatkuasaan di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (Pindaan 2000), sejumlah 13,895 premis positif *Aedes* telah dikenakan kompaun dengan nilai RM2,647,702. Di samping itu 13,230 premis telah diberi notis amaran dan 50 premis di ambil tindakan mahkamah.

Kerajaan berusaha meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai Penyakit Demam Denggi dan Chikungunya melalui aktiviti pendidikan kesihatan. Sehingga 31 Oktober 2009, sebanyak 1,590 aktiviti gotong-royong telah dilaksanakan di seluruh negara menunjukkan peningkatan aktiviti sebanyak 73% berbanding 921 aktiviti gotong-royong bagi tempoh sama tahun 2008. Sebanyak 250,541 hebahan awam telah dilaksanakan pada tahun ini dengan peningkatan sebanyak 55% berbanding tahun 2008.

Bagi penyakit Chikungunya, sejumlah 202 kes telah dilaporkan pada minggu lepas dengan peningkatan 54 kes (36%) berbanding minggu sebelumnya iaitu 148 kes. Jumlah terkumpul kes Chikungunya pada tahun ini adalah sebanyak 4,190 kes di mana Negeri Sarawak menyumbang kepada 31% dari jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan. Sehingga kini, terdapat 48 lokaliti wabak diseluruh negara iaitu 46 lokaliti adalah di Sarawak dan 2 lokaliti di Sabah. Walau pun demikian tiada kematian akibat penyakit Chikungunya dilaporkan. Bilangan kes yang dilaporkan mengikut negeri adalah seperti di Lampiran B.

Memandangkan musim hujan yang berlaku pada masa ini akan menyebabkan peningkatan tempat pembiakan Aedes, masyarakat disarankan untuk mengambil 3 langkah bijak mencegah pembiakan Aedes iaitu :-

- (a) Melakukan pemeriksaan dan memusnahkan tempat-tempat berpotensi pembiakan Aedes di dalam dan persekitaran rumah mereka, sekurang-kurangnya 10 minit seminggu.

- (b) Segera mendapatkan rawatan awal sekiranya anda mengalami demam bagi mengelakkan komplikasi Demam Denggi yang mengakibatkan kehilangan nyawa.
- (c) Menganjurkan aktiviti gotong-royong di kawasan kediaman bagi menghapuskan tempat-tempat pembiakan.

DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

14 November 2009

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 44/2009
(1 hingga 7 Nov. 2009)**

Bil	Negeri	Bilangan kes dan kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 44/2009	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 44/2008
		Minggu 44 (1 – 7 Nov. 2009)	Minggu 43 (25 – 31 Okt. 2009)		
1	Perlis	4	5	183	139
2	Kedah	9	9	667	1,122
3	P. Pinang	30	34	2,154	1,739 (1)
4	Perak	14	17	2,593 (2)	3,401 (5)
5	Selangor	158	204	16,591 (44)	16,408 (33)
6	WPKL & Putrajaya	44	63	3249 (8)	4,417 (10)
7	N. Sembilan	20 (1)	23	816 (6)	1,157 (2)
8	Melaka	6	9	732 (3)	722 (1)
9	Johor	35	36	2,177 (3)	3,158 (14)
10	Pahang	21	23	779 (2)	1,038 (1)
11	Terengganu	15	13	859	1,481 (3)
12	Kelantan	10	10	946 (1)	2,116 (10)
13	Sarawak	228	194 (1)	2,258 (3)	1,140
14	Sabah	24	32	947 (3)	894 (2)
15	WP Labuan	0	1	24	63 (2)
	Jumlah	618 (1)	673 (1)	34,975 (75)	38,995 (84)

Nota:

() Kematian

**JUMLAH KES CHIKUNGUNYA YANG
DILAPORKAN PADA MINGGU 44 DAN 43 BAGI TAHUN 2009**

Bil	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul Minggu 1- 44 Tahun 2009	Jumlah Kes bagi tahun 2008
		Minggu 44 (1 – 7 Nov 2009)	Minggu 43 (25 – 31 Okt 2009)		
1	Perlis	0	0	35	3
2	Kedah	0	0	784	181
3	P. Pinang	3	3	339	6
4	Perak	0	0	402	590
5	Selangor	0	1	422	353
6	WPKL &Putrajaya	0	0	94	27
7	N. Sembilan	0	0	31	176
8	Melaka	0	0	0	606
9	Johor	0	0	157	1,846
10	Pahang	0	0	71	341
11	Terengganu	1	0	59	4
12	Kelantan	0	0	433	135
13	Sarawak	188	138	1301	3
14	Sabah	10	6	62	0
15	WP Labuan	0	0	0	0
	MALAYSIA	202	148	4190	4,271

Bilik Gerakan CPRC Kebangsaan
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" SEHINGGA 07 NOVEMBER 2009 (Mg 44)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Sepang	Taman Seri Sg Pelek	15	76
2	SELANGOR	MPAJ	Pandan Indah (Zon H)	17	68
3	SELANGOR	Sepang	Taman Mawar 2	17	67
4	SELANGOR	Gombak	Taman Sri Gombak Fasa 8 & 9 (Zon 4)	14	60
5	SELANGOR	Gombak	Taman Sri Gombak	6	51
6	SELANGOR	Gombak	Selayang Baru K6	9	39
7	SELANGOR	MBPJ	Jln. Medan PJS 3	5	36
8	SELANGOR	Hulu Langat	Kem PGA	13	33
9	SELANGOR	MPAJ	Pandan Indah(Zon F)	11	33
10	WPKL	Klang Lama	Kuchai Lama(De Tropicana Kondo)	11	58
11	WPKL	Klang Lama	Kuchai Ent Park Block 1-8 (Jln 7/ 116B)	15	39
12	WPKL	K.Lama	Vista Angkasa	6	31
13	WPKL	Setapak	Tmn. Desa Setapak	8	36
14	WPKL	Setapak	Tmn Setiawangsa (jln Bukit Setiawangsa 12-16)	4	33
15	WPKL	Setapak	Keramat Wangsa (Kelompok Bamboo,Penguin)	5	31
16	JOHOR	MPPG	Flat Cendana Mukim Pelentong	33	116
17	TERENGGANU	KKM	Flat Polis Padang Hiliran	22	52

Lampiran D

SENARAI “HOT SPOT” BARU BAGI MINGGU 44 (01- 07 November 2009)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	MBPJ	Jln Medan PJS 3	5	36
2	SELANGOR	Hulu Langat	Kem PGA	13	33
3	SELANGOR	MPAJ	Pandan Indah(Zon F)	11	33
4	WPKL	K.Lama	Vista Angkasa	6	31
5	WPKL	Setapak	Tmn. Desa Setapak	8	36
6	WPKL	Setapak	Tmn. Setiawangsa (jln Bukit Setiawangsa 12-16)	4	33
7	WPKL	Setapak	Keramat Wangsa (Kelompok Bamboo,Penguin)	5	31

Lampiran E

SENARAI LOKALITI BEBAS “HOT SPOT” BAGI MINGGU 44 (01- 07 November 2009)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	MPAJ	Taman Cempaka (Zon B)	26	85
2	SELANGOR	Gombak	Taman Selasih Fasa 2	8	49
3	SELANGOR	Gombak	Selayang Baru K5	9	31
4	SELANGOR	MPS	Bandar Country Homes ZC	7	30
5	SELANGOR	Gombak	Selayang Baru K7	5	30
6	SARAWAK	KKM	Kpg.Puak Bau	8	48

**SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR PEMBIAKAN NYAMUK
AEDES YANG TINGGI BAGI MINGGU KE 44**

Bil.	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
1	SELANGOR	GOMBAK	Taman Sri Gombak Fasa 8 & 9 (Zon 4)	2.8%	3
2	SELANGOR	GOMBAK	Selayang Baru K6	4.2%	4
3	SELANGOR	MBPJ	Jln. Medan PJS 3	2.9%	3
4	SELANGOR	HULU LANGAT	Kem PGA	4.0%	9
5	SELANGOR	MPAJ	Pandan Indah (Zon H)	1.3%	1
6	WP KL	KLANG LAMA	Kuchai Lama (De Tropicana Kondo)	7.4%	7
7	WP KL	KLANG LAMA	Kuchai Ent Park (Jln. 116 B)	8.0%	8
8	WP KL	SETAPAK	Taman Setiawangsa (Jln. Bukit Setiawangsa 12 - 16)	7.0%	14
9	WP KL	SETAPAK	Keramat Wangsa (Kelompok Bamboo, Penguin)	4.0%	4
10	JOHOR	MPPG	Flat Cendana Mukim Pelentong	4.4%	4